

TARIKH: 23/9/23.
 SURAT KHABAR: Sinar Harian
 MUKA SURAT: 2



KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

PREMIUM
 Eksklusif dan Kritis
 premium.sinarharian.com.my/

Rombakan kabinet selepas PRK Pelangai?

LAPORAN MUKA DEPAN

Spekulasi rombakan kabinet Kerajaan Perpaduan kini semakin bertiup kencang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka melakukannya selepas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai di Pahang pada 7 Oktober depan.

Perkara itu didedahkan oleh seorang pemimpin kanan DAP yang enggan dinamakan dengan beliau menjangkakan Anwar akan meneliti prestasi calon gabungan Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) pada PRK itu terlebih dahulu sebelum membuat rombakan kecil kabinet.

Jelas beliau, di sebalik keperluan Perdana Menteri ke-10 (PMX) untuk meneliti prestasi BN-PH di PRK berkenaan, sebarang usaha rombakan kabinet sememangnya sudah tidak dapat dielakkan susulan tempoh pentadbiran Kerajaan Perpaduan sudah hampir menecah setahun.

"Maklumat yang saya terima, PMX akan tunggu keputusan PRK Pelangai dahulu, baru beliau akan melakukan rombakan kabinet."

"Ia bagi mengelakkan fokus dan moral jentera pilihan raya terjejas jika rombakan lebih awal memberi implikasi negatif kepada parti-parti terlibat," katanya kepada *Sinar Premium* pada Jumaat.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Sinar Premium* mendedahkan Anwar sedang menimbang kemungkinan untuk mengadakan rombakan kabinet susulan pengosongan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub yang meninggal dunia pada Julai lalu.

Antara spekulasi yang timbul ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dijangka kembali menerajui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan penyandangannya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dikatakan akan mengambil alih jawatan menteri KPDN.

Terdapat juga spekulasi mengatakan

jawatan menteri KPDN akan kekal disandang oleh calon daripada Parti Amanah Negara (Amanah) dengan nama Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari disebut-sebut untuk menyandang jawatan itu.

Sekiranya spekulasi itu menjadi kenyataan, Saifuddin yang juga Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR) dijangka mengambil alih portfolio Kementerian Kemajuan Wilayah dan Desa (KKWD) yang digalas Ahmad Zahid ketika ini.

Selain rombakan portfolio-portfolio kementerian penting berkenaan, terdapat beberapa lagi kementerian yang dijangka turut terlibat dengan penyusunan semula termasuklah cadangan mewujudkan kembali Kementerian Wilayah Persekutuan, Menteri Kewangan II dan Kementerian Sumber Manusia.

Bagi mengisi kekosongan jawatan Menteri Wilayah Persekutuan berkenaan, nama Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Johari Abdul Ghani antara yang disebut-sebut sebagai calon utama daripada UMNO-BN meskipun ramai pemerhati politik berpandangan beliau lebih layak menggalas jawatan Menteri Kewangan II.

Dalam pada itu status Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar turut disebut-sebut antara nama bakal digugurkan dalam barisan kabinet baharu PMX, dan sumber pemimpin kanan DAP itu mengaku perbincangan mengenai perkara tersebut memang pernah dibuat dalam kalangan kepimpinan parti itu sebelum ini.

"Saya ingat perbincangan mengenai ini masih berjalan, cuma belum ada ketetapan dibuat di antara Anwar dan Anthony (Loke).

"Soal sama ada beliau (Sivakumar) memang sah ditukar atau tidak, kena tanya kata putus daripada Anthony sendiri lah. Kalau saya tahu pun, saya tidak boleh komen lanjut," dedah sumber berkenaan.

Bagaimanapun, Ketua Wanita DAP, Teo Nie Ching berkata, beliau tiada maklumat sama ada terdapat mesyuarat di-



Spekulasi rombakan kabinet Kerajaan Perpaduan turut melibatkan penyusunan beberapa portfolio kementerian utama termasuk Kementerian Sumber Manusia.



TEO NIE CHING

CHARLES SANTIAGO

SIVAKUMAR

JOHARI

adakan di peringkat dalaman parti bagi membincangkan kedudukan mana-mana menteri dalam jemaah menteri termasuk Sivakumar.

"Setakat ini, saya tidak terlibat dalam sebarang perbincangan (mengenai kemungkinan rombakan kabinet membabitkan menteri-menteri DAP)," katanya menerusi kiriman aplikasi WhatsApps kepada *Sinar Premium*.

Ditanya sama ada spekulasi rombakan kabinet sekadar khabar angin, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital itu enggan memberi jawapan secara langsung, sebaliknya mengulas "Atau mungkin ia di luar tahap (pengetahuan) saya..."

Lantik profesional

Dalam pada itu, pemimpin veteran DAP, Charles Santiago berpandangan sekiranya spekulasi pengguguran

Sivakumar daripada jawatan menteri menjadi realiti, PMX tidak perlu menormalisasikan keputusan pelantikan menteri semata-mata dalam kalangan ahli-ahli Parlimen atau ahli politik menyokong kerajaan.

Sebaliknya, beliau mencadangkan agar PMX meneroka peluang melantik pakar-pakar dalam kalangan tokoh akademik universiti, penjawat awam, korporat dan badan bukan kerajaan (NGO), di mana individu dilantik terbukti memberi sumbangan besar kepada kementerian berkaitan dan 'boleh buat kerja'.

"Saya ingat keputusan rombakan kabinet memang sudah tidak dapat dielakkan dengan Anwar perlu melakukannya dalam masa terdekat," ujar beliau.

>> LAGI BERITA DI MUKA 3



NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:00	7:08	1:14	4:23	7:16	8:25
ALOR SETAR	5:59	7:06	1:13	4:22	7:15	8:24
PULAU PINANG	6:00	7:07	1:13	4:22	7:16	8:25
IPOH	5:58	7:03	1:11	4:19	7:13	8:22
KOTA BHARU	5:53	7:01	1:06	4:15	7:08	8:14
KUALA TERENGGANU	5:49	6:57	1:02	4:10	7:05	8:13

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUANTAN	5:50	6:58	1:03	4:07	7:05	8:14
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:55	7:02	1:09	4:14	7:11	8:20
SHAH ALAM	5:55	7:01	1:09	4:14	7:11	8:20
SEREMBAN	5:54	7:01	1:07	4:11	7:09	8:18
BANDAR MELAKA	5:53	7:01	1:06	4:10	7:08	8:17
JOHOR BAHRU	5:47	6:55	1:00	4:02	7:02	8:11

• PENERBIT/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) GRUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: ZAMRI RAMBLI
 • PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK): AZMI TARMIZI • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): RUZY ADILA IDRIS • PENGARANG BERITA: JUNHAIRI ALYASA

• TIMBALAN PENGARANG BERITA: BADRULDIN ZAKARIA, ZUKI PILEH, AZLINA MOHAMAD JANTAN, AHMAD SYAHRUL DERAUH, ROSLI HASSAN • KETUA JABATAN IKLAN: AIROL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn.Bhd., Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langgan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my